

Pendekatan Hasan Al-Banna Dalam Mendamaikan Aliran Salaf Dan Khalaf: Kajian Dan Penilaian

[*Hasan Al-Banna's Approach In Reconciling The Flow Of Salaf And Khalaf: Study And Evaluation*]

Nasron Yaacob¹

¹ (Corresponding Author) Department of Usuluddin, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: drnasron@gmail.com

ABSTRACT

The article is about the similarities in the understanding and method of faith between the Salaf and Khalaf schools. The Khalaf belief system is ta'wil, whereas the Salaf belief system is ithbat or tafwid. Hasan al-Banna claims that these two schools of thought, though they approach the subject of God's khabariyyah differently, are actually in agreement on three things. The methodology of the study is a qualitative study, sourced from documentation and authoritative works about the methods of the Salaf and Khalaf with reference to the issue of the nature of Allah's khabariyyah. The work of Hasan al-Banna, particularly the book al-'Aqa'id, is emphasized to clarify three suggestions meant to address the disagreements between the Salaf and Khalaf over the nature of khabariyyah. The information data was also taken from the authoritative books of the scholars that represent the methods of their respective faiths. According to the research, it turned out that each of the Salaf and Khalaf have and acknowledge three common points in their understanding of the nature of khabariyyah as claimed by Hasan al-Banna. In that regard, this agreed point of commonality should be able to understand each trend in order to be open to celebrating disagreements and differences of opinion and methods that apply. Moreover, the difference of opinion involves the issue of ijтиhad and branches of belief. The contribution of this study is to demand the issue of the unification of the ummah which needs to be prioritized instead of increasing differences of opinion until they are divided due to matters of ijтиhad. The study is also expected to open a more harmonious and scientific discussion regarding these three points of commonality. Similarly, this research presents an argument in favour of promoting tolerance and intellectual dispute as a means of preserving.

Keywords: Point, Equation, Salaf, Khalaf, Hasan al-Banna.

ABSTRAK

Kupasan artikel adalah berkenaan titik-titik persamaan dalam pemahaman dan metode akidah di antara aliran Salaf dan Khalaf. Metode akidah Salaf ialah *ithbat* atau *tafwid*, manakala metode akidah Khalaf ialah *ta'wil*. Hasan al-Banna mendakwa kedua-dua aliran ini yang berbeza metode mengenai topik sifat *khabariyyah* Allah adalah sebenarnya bersefahaman melalui tiga titik persamaan. Metodologi penulisan artikel adalah berasaskan kajian kualitatif, bersumberkan dokumentasi dan karya-karya muktabar tentang metode Salaf dan Khalaf berkenaan isu sifat *khabariyyah* Allah. Karya Hasan al-Banna sendiri khususnya risalah al-'Aqa'id diketengahkan dalam perbincangan ini bagi menjelaskan tiga titik cadangan sebagai penyelesaian terhadap perbezaan pendapat di antara Salaf dan Khalaf berkenaan sifat *khabariyyah*. Data-data maklumat juga diambil daripada kitab-kitab muktabar para ulama yang mewakili metode akidah masing-masing. Berdasarkan kajian yang dilakukan, ternyata setiap aliran Salaf dan Khalaf memiliki dan mengakui tentang tiga titik persamaan dalam kefahaman terhadap sifat *khabariyyah* sebagaimana yang didakwa oleh Hasan al-Banna. Sehubungan itu, titik persamaan yang disepakati ini sepatutnya dapat memahamkan setiap aliran agar bersikap terbuka dalam meraikan perselisihan dan perbezaan pendapat dan metode yang berlaku. Lebih-lebih lagi perbezaan pendapat tersebut adalah melibatkan isu ijihad dan cabangan akidah. Sumbangan daripada kajian ini adalah menuntut isu penyatuan ummah yang perlu diutamakan berbanding membesarangkan perbezaan pendapat sehingga berpecah-belah disebabkan perkara ijihad. Kajian juga diharap dapat membuka ruang perbincangan yang lebih harmoni dan ilmiah tentang tiga titik persamaan ini, di samping mencari titik-titik persamaan lain yang seterusnya melalui kajian lanjutan nanti. Demikian juga kajian ini menawarkan kempen kesatuan ummah melalui adab perselisihan pendapat yang berintelektual dan bertolak ansur.

Kata kunci; Titik, Persamaan, Salaf, Khalaf, Hasan al-Banna.

How to Cite:

Received	:	29-08-2023	Nasron Yaacob. (2023). Pendekatan Hasan Al-Banna dalam
Accepted	:	27-09-2023	Mendamaikan Aliran Salaf dan Khalaf: Kajian dan
Published	:	30-11-2023	Penilaian. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 4(2), 179-199

1. Pendahuluan

Hasan al-Bannā adalah seorang tokoh gerakan dakwah Islam yang terkenal, dan merupakan pengasas kepada gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn di Mesir pada awal kurun ke 20. Pengaruh gerakan dakwahnya itu kemudiannya mempengaruhi pemikiran pembaharuan Islam dalam kalangan umat Islam di seluruh dunia sehingga ke hari ini. Sebagai

seorang tokoh dakwah Islam yang berpengaruh, setiap aspek keperibadiaannya akan menjadi penilaian semua pihak. Aspek yang akan dikaji oleh artikel ini ialah berkenaan titik persamaan di antara metode akidah Salaf dan Khalaf terhadap sifat *khabariyyah* Allah SWT menurut Hasan al-Bannā.

Dalam komponen umat Islam Ahli Sunnah wal Jamaah, ada dua aliran akidah Islam yang mendakwa setiap daripada mereka adalah Ahli Sunnah wal Jamaah yang sebenar, iaitu Salaf dan Khalaf. Salaf dan Khalaf telah berselisih pandangan dalam memahami sifat *khabariyyah* Allah SWT. Metode akidah Salaf terhadap sifat *khabariyyah* Allah SWT juga diperselisihkan di antara *ithbāt* dan *tafwid*, manakala metode akidah Khalaf pula ialah *ta'wil*. Metode akidah Salaf menurut *ithbat*ialah memahami sifat *khabariyyah* Allah SWT sebagaimana makna zahirnya seperti *wajh* sebagai wajah, *yad* sebagai tangan dan *'ayn* sebagai mata menurut makna zahir nas, tetapi kaifiat dan ciri-ciri sebenar sifat tersebut adalah tidak diketahui yang perlu diserahkan (*tafwid*) kepada Allah SWT.

Metode akidah Salaf menurut *tafwid* pula ialah menyerahkan (*tafwid*) makna sifat itu sendiri kepada Allah tanpa perlu dinyatakan maksud selanjutnya. Metode akidah Khalaf yang diwakili oleh Ashā'irah dan Maturidiyyah pula memahami sifat *khabariyyah* itu dengan makna *majāz*yang ditakwilkan mengikut takwilan yang tidak menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Maka *wajh* ditakwil sebagai zatNya, *yad* sebagai kekuasaan, dan *'ayn* sebagai pengawasan.

Perselisihan dan perbezaan pendapat di antara Salaf dan Khalaf ini telah memakan masa yang sangat panjang. Justeru itu, Hasan al-Bannā melihat bahawa isu ini sebenarnya boleh diharmonikan melalui titik persamaannya yang dicadangkan. Ini kerana tiga titik persamaan berkenaan sifat *khabariyyah* tersebut sememangnya sudah sedia ada dalam metode Salaf dan Khalaf. Maka objektif kajian artikel ini adalah merungkai idea Hasan al-Bannā tentang titik-titik persamaan antara metode akidah Salaf dan Khalaf berkenaan sifat *khabariyyah* Allah SWT.

2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian artikel ini berasaskan kajian kualitatif yang akan menganalisis kandungan data dan bahan-bahan dokumentasi berkenaan titik persamaan pemahaman terhadap sifat *khabariyyah* Alah SWT. Data dan bahan dokumentasi tersebut ialah buku-buku yang berkaitan, dan karya-karya dalam bentuk format dokumen mudah alih (pdf). Analisis kandungan ini merupakan satu penghuraian yang objektif dan sistematik bagi suatu kandungan tersurat yang terdapat dalam bentuk komunikasi yang merupakan mesej yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan.

Kajian akan menggunakan kaedah induktif (*istiqra'*) dalam proses pengumpulan data-data daripada karya dan penulisan para ilmuwan Islam berkenaan tiga titik persamaan yang dicadangkan oleh Hasan al-Banna. Ia menjelaskan ketiga-tiga titik tersebut sudahpun disebutkan secara tidak rasmi dalam karya-karya terdahulu.

Kaedah deduktif (*istinbat*) juga digunakan melalui penganalisaan terhadap data-data karya ilmuwan Islam untuk sampai kepada titik persamaan yang dibawa oleh Hasan al-Banna. Ia menjelaskan ketiga-tiga titik itu juga diakui secara umumnya oleh para ulama setiap metode melalui karya-karya mereka yang terdahulu. Data utama kajian ialah teks penulisan Ḥasanāl-Bannā (1992) dalam risalah *al-'Aqā'id*, dan juga kupasan berkaitan isu titik persamaan tersebut oleh tokoh-tokoh ilmuwan Islam semasa seperti Dr. Yusuf al-Qaraḍāwi (2005) dalam karyanya *Fuṣūl fī al-'Aqīdah bayn al-Salaf wa al-Khalaf*, dan Dr. Sa'īd Ramadānal-Būti (1993; 1988) menerusi karya *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah* dan *al-Salafiyyah*. Selain itu, karya-karya lain yang berkaitan juga dijadikan rujukan dan penilaian dalam menyempurnakan penulisan artikel ini.

3. Dapatkan Kajian


Hasan al-Bannā (1992) percaya pada titik persamaan yang wujud di antara Salaf dan Khalaf berkenaan sifat *khabariyyah* Allah SWT, walaupun beliau sendiri memilih metode Salaf sebagai keutamaan berbanding Khalaf. Ini kerana isu sifat *khabariyyah* adalah isu *ijtihadiyyah* yang tiada nas jelas menentukannya. Justeru, Salaf dan Khalaf tidak perlu membesar sisi perbezaan tentang sifat *khabariyyah* tersebut hanya kerana alasan mempertahankan metode akidah yang diimani. Islam membuka ruang untuk ulama yang layak berijtihad dengan ganjaran pahala, sebagaimana yang dinyatakan oleh hadis Nabi SAW bahawa ijтиhad yang betul akan diganjari dua pahala, manakala ijтиhad yang tersalah akan diganjari satu pahala (Al-Bukhāri, 1998). Maka metode *tafwīd*, *ithbāt* dan *ta'wil* adalah isu *ijtihadiyyah* dalam kalangan ulama Islam (al-Qaradawi, 2005).

Dalam memperjuangkan konsep penyatuan ummah, Hasan al-Bannā (1992) telah memperkenalkan titik persamaan berkenaan sifat *khabariyyah* di antara Salaf dan Khalaf, sebagaimana berikut:

1. *Tanzīh* (penyucian) pada sifat Allah SWT daripada sebarang *tashābuḥ* (keserupaan) dengan makhluk.
2. Erti zahir nas sifat Allah SWT adalah tidak sebagaimana zahirnya seperti yang disaksikan pada makhluk.

3. Lafaz-lafaz bahasa tidak mampu menyatakan hakikat sebenar sifat-sifatnya.

Rajah 1: Titik Persamaan



Di samping itu juga, Hasan al-Bannā (1992) yang walaupun memilih metode Salaf sebagai metode akidah utamanya, telah menegaskan bahawa pendekatan takwil yang digunakan oleh Khalaf tidak sepatutnya dilabelkan sebagai *kufr* (kufur) dan *fusuq* (fasik):

ونعتقد الى جانب هذا أن تأويلاً الخلف لا توجب الحكم عليهم بـكفر ولا فسق، ولا تستدعي
هذا النزاع الطويل بينهم وبين غيرهم قليلاً وحديثاً، وصدر الإسلام أوسع من هذا كله .

Terjemahan: Dan kita beriktikad di samping ini bahawa takwilan Khalaf tidak menyebabkan mereka dihukumkan kafir dan tidak juga fasik, dan tiada keperluan pada perselisihan panjang ini di antara mereka dan orang lain sama ada dahulu atau sekarang, dan permulaan Islam lebih luas dari ini semua.

Status *kufr* dilabelkan kepada Khalaf kerana merujuk pada keengganannya aliran bermetode *ta'wil* itu daripada mengisbatkan lafaz *zahir* sifat *khabariyyah* dengan memalingkannya kepada makna yang lain. Keengganannya dianggap sebagai keingkaran (*kufr*) untuk mengakui dan mengisbatkan sifat *khabariyyah* sebagaimana yang diturunkan oleh Allah SWT. Fasik juga didakwa berlaku dalam situasi yang sama, iaitu dengan tidak mematuhi makna sifat *khabariyyah* yang diturunkan Allah SWT dan menukarkannya kepada makna yang tidak sabit dan tidak disahkan daripada Allah SWT atau rasulNya.

Justeru fasik itu berlaku kerana Khalaf keluar dari landasan ketaatan kepada Allah SWT dengan memalingkan makna sifat *khabariyyah* kepada makna lain yang tiada asas wahyu. Kerana itu Hasan al-Banna (1992) yang walaupun memilih Salaf sebagai metode akidahnya, tetapi masih mengakui Khalaf adalah betul dengan metode *ta'wilnya*. Jika setiap pihak daripada Salaf dan Khalaf meninggalkan sikap melampau dan fanatic dengan metode masing-masing, mereka akan menyedari bahawa titik akhir pertemuan kedua metode mereka

adalah terhenti pada *tafwid* (penyerahan) kepada Allah SWT melalui tiga titik persamaan yang sedang dibincangkan di sini.

4. Perbincangan

4.1 Aliran Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah

Ahli Sunnah wal Jamaah merupakan satu aliran dalam kalangan umat Islam yang menolak metode dan ajaran aliran-aliran *bid'ah* (sesat) seperti Mu'tazilah, Khawārij dan Shī'ah. Contoh isu yang membezakan Ahli Sunnah wal Jamaah daripada aliran-aliran *bid'ah* ialah mengakui kedudukan mulia para Sahabah RA, mengisbatkan sifat-sifat Allah SWT, *ru'yah* (melihat) Allah pada hari akhirat, *tanzīh* (suci) Allah dari menyerupai sifat-sifat makhluk, dan beriman dengan azab kubur (al-Baghdādi, 1997; al-Shahrastāni, 1997).

Namun dalam kalangan Ahli Sunnah wal Jamaah sendiri juga ada perselisihan pendapat khususnya dalam isu sifat *khabariyyah* Allah SWT. Perbezaan ini melahirkan dua aliran utama iaitu Salaf dan Khalaf, yang kemudiannya melahirkan tiga metode akidah yang lebih khusus iaitu *ithbāt*, *ta'wīl* dan *tafwīd*. Salaf adalah merujuk kepada tiga generasi terawal umat Islam iaitu Sahabah RA, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in, yang dinisbahkan melalui maksud hadis berikut:

Terjemahan: Sebaik-baik manusia adalah kurunku (Sahabah RA), kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka (Tabi'in), kemudian (kurun) orang-orang yang selepas mereka (Tabi' Tabi'in).

[*Sahih Bukhāri*, no. Hadith: 2652, dinilai *sahih* oleh al-Albani]

Manakala dalam hadis riwayat al-Tirmidhi, ada dinyatakan tentang kemunculan aliran-aliran akidah dalam kalangan umat Islam. Majoritinya adalah sesat, sedang satu aliran sahaja yang masih konsisten dengan ajaran akidah Islam sebenar iaitu Ahli Sunnah wal Jamaah. Hadis tersebut adalah sebagaimana maksud berikut:

Terjemahan: Dan sesungguhnya Banī Isrā'il berpecah kepada tujuh puluh dua aliran, dan umatku pula berpecah kepada tujuh puluh tiga aliran, semuanya di dalam neraka kecuali satu aliran sahaja". Para Ṣahābah bertanya: "Dan siapakah mereka itu wahai Rasulullah?", Rasulullah menjawab: "Aliranku dan para sahabatku.

[*Sunan al-Tirmidhi*, no. Hadith: 2640, Dinilai *hasan* oleh al-Albāni]

4.2 Akidah Salaf dan Khalaf

i) Akidah Salaf

Dari sudut masa atau zaman, era Salaf sudah berakhir dengan berakhirnya zaman Ṣahābah RA, Tābi‘īn dan Atbā‘ Tābi‘īn. Salaf berasal daripada bahasa Arab iaitu *salafa* yang bermaksud terdahulu (Dayf et. al., 2004), dan makna istilahnya ialah generasi umat Islam yang terawal. Salaf dari sudut metode akidahnya telah menjadi tajuk perbincangan yang diperdebatkan sehingga ke hari ini (al-Būti, 1988; al-Qaraḍāwi, 2005).

Metode Salaf diperselisihkan oleh kalangan ulama masa kini di antara *ithbat* yang didokong oleh Salafiyyah, atau *tafwid* sebagaimana yang diakui oleh Khalaf. Pencetus utama Salafiyyah ialah Ibn Taymiyyah dan muridnya IbnQayyim, yang menggesa umat Islam kembali berakidah dengan akidah Salaf menurut metode Salafiyyah iaitu *ithbāt*.

Khalaf pula terbahagi kepada dua aliran iaitu Asha‘irah dan Maturidiyyah (al-Maghribi, 1986). Mereka berpegang dengan metode *ta’wīl* dalam perkara akidah (Fahamsyah, 2021). Khalaf juga berbeza pandangan dengan Salafiyya terhadap identiti metode akidah Salaf yang sebenar. Menurut Khalaf, metode akidah Salaf ialah *tafwīd*, dan bukannya *ithbāt* sebagaimana dakwaan Salafiyyah.

Perbezaan antara ketiga-tiga metode ini ialah tentang sifat *khabariyyah* Allah SWT, yang sebahagiannya telah dinyatakan oleh al-Quran dan hadis, dan sebilangan sifat *khabariyyah* yang lain pula adalah hanya disebutkan oleh hadis sahaja. Di antara sifat *khabariyyah* Allah SWT yang disebutkan oleh al-Qur'an dan hadis ialah *istiwā'* (bersemayam), *rahmah* (rahmat), *maḥabbah* (kasih sayang), *ghadab* (marah), *yad* (tangan), *wajh* (wajah), *kalām* (kata-kata), *nafs* (diri), *ru'yah* (melihat), *qurb wa ma'iyyah* (dekat dan bersama), *sāq* (betis), *'ayn* (mata) dan *majī'* (datang). Manakala contoh sifat *khabariyyah* yang hanya disebutkan oleh hadis sahaja ialah *nuzūl* (turun), *farḥ* (gembira), *dahik* (ketawa), *qadam (kaki)*, *aṣābi'* (jari) dan *ta'ajjub* (kagum).

Metode *ithbāt* berpendapat bahawa sifat *khabariyyah* Allah SWT perlu diisbatkan secara makna zahirnya dan bukan dengan makna *majāz*. Pengisbatannya ialah hanya dengan sifat yang selayaknya bagi Allah SWT, di samping mentanzīhkan (menyucikan)Nya daripada sifat yang menyerupai makhluk. Metode *ta’wīl* pula berpendapat bahawa sifat *khabariyyah* Allah SWT itu perlu ditakwilkan dari makna asal atau hakiki kepada makna *majāz*, kerana makna asal atau hakiki membawa erti mentashbihkan (menyerupakan) Allah SWT dengan sifat makhlukNya.

Konsep *tanzīh* ini menjadi asas penting metode *ta'wīl* bersandarkan ayat (لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ), dan nas yang berkaitan mesti dita'wīlkan jika bercanggah dengan asas ini. Contoh sifat yang ditakwilkan ialah *yad* dengan erti kekuatan, *wajh* sebagai zatNya, *nuzūl* sebagai turun perintahNya, *rahmah* sebagai restu keredaan, *ghādab* sebagai gambaran kemurkaanNya, dan takwilan lain yang seterusnya.

Metode *tafwīd* juga mempunyai pendapat tersendiri, apabila menyatakan bahawa zahir lafaz nas tentang sifat *khabariyyah* Allah SWT perlu diisbatkan, tetapi maknanya yang hakiki perlu diserahkan kepada Allah SWT tanpa perlu campur tangan daripada akal manusia. Manusia hanya perlu percaya pada zahir nas tanpa perlu menentukan makna sebenar zahir nas tersebut, kerana keterbatasan akal untuk menjangkauinya. Dari sudut pengisbatan sifat *khabariyyah*, metode *tafwīd* adalah sama dengan *ithbāt* tetapi mereka berbeza pada metode penyerahan sama ada menyerahkan kaifiatnya atau menyerahkan maknanya kepada Allah SWT (al-Qaraḍāwi, 2005).

Umat Islam masa kini telah berselisih pandangan tentang identiti sebenar Salaf, sehingga melahirkan metode *ithbat* dan metode *tafwid*. *Ithbati* ialah metode yang diakui oleh aliran Salafiyyah yang diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah. Kunci metode Salafiyyah Ibn Taymiyyah ialah mengisbatkan sifat *khabariyyah* Allah SWT secara makna zahirnya dengan menafikan pengetahuan tentang kaifiat atau ciri-ciri sifat tersebut. Contohnya sifat *khabariyyah*; *yadayn* (dua tangan) diisbat dan diakui sebagai sifat zat bagiNya, namun ciri-ciri dan bagaimana kaifiat tangan tersebut yang tidak boleh diketahui. Manakala metode *tafwid* pula ialah metode yang didakwa dipegang oleh Salaf menurut aliran Khalaf. Kunci bagi metode *tafwid* ialah menyerahkan (*tafwid*) ilmu tentang maksud ayat al-Quran berkenaan *yadayn* itu kepada Allah SWT kerana Dia sahaja yang mengetahuinya.

Prinsip *tafwid* berkenaan ayat ini ialah tiada perbincangan (*'adam al-khwad*) tentang maksud sifat itu untuk diertikan dengan erti dan makna tertentu. Ilmu tentang makna sebenarnya hanya boleh diketahui oleh Allah SWT sahaja, sedang akal manusia tidak mampu untuk mengetahuinya. Kerana itu timbulnya istilah *tafwid* (menyerahkan) kerana akal manusia perlu menyerahkan makna ayat *khabariyyah* itu hanya kepada Allah SWT, tanpa sebarang ulasan dan perbicaraan berdasarkan akal seperti takwil.

ii) Akidah Khalaf

Asal kata Khalaf ialah *khalaifa* yang bermaksud pengganti (Dayf et. al, 2004). Istilah Khalaf yang berkaitan dengan aliran akidah umat Islam

ialah merujuk kepada generasi yang datang selepas zaman tiga generasi Salaf iaitu Sahabah RA, Tabi‘in dan Tabi‘ Tabi‘in. Generasi Khalaf tidak memperselisihkan metode akidah mereka yang berpegang dengan metode *ta’wil* dalam memahami isu sifat *khabariyyah*.

Generasi Khalaf adalah terdiri daripada dua aliran akidah iaitu Asha‘irah dan Maturidiyyah. Asha‘irah diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Ash‘ari (260-324H), manakala Maturidiyyah pula diasaskan oleh Abu Mansur al-Maturidi (m. 332H). Metode *ta’wil* oleh Khalaf ini muncul untuk menyaingi Mu‘tazilah yang juga bermetodekan *ta’wil* yang meletakkan tafsiran akal sebagai kefahaman utama dalam memahami kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Sedang generasi Khalaf daripada aliran Asha‘irah dan Maturidiyyah membawakan metode *ta’wil* yang berada pada darjah yang kedua selepas rujukan al-Quran dan al-Sunnah. Di antara asas persamaan keduanya ialah mempertahankan akidah Islam menggunakan metode ilmu kalam, mengesahkan sifat-sifat bagi Allah yang dinafikan oleh Mu‘tazilah, dan berpegang dengan rukun iman dan ajaran akidah yang hampir sama.

Secara umumnya kedua-dua aliran ini menerima kenyataan wahyu yang *mutawatir* dan hanya akan merujuk *ta’wil* jika tiada nas wahyu yang *qat‘i* (muktamad). Justeru itu metode Khalaf Sunni ini jelas bertentangan dengan metode *ta’wil* Mu‘tazilah yang meletakkan pertimbangan akal sebagai rujukan utama tanpa mengambil kira status nas wahyu (al-Maghribi, 1986).

Hasan al-Banna (1992) menegaskan bahawa metode *ta’wil* Khalaf juga mempunyai titik persamaan dengan metode *ithbat* atau *tafwid* yang dibawakan oleh Salaf, walaupun tidak dinafikan adanya perbezaan pendapat yang banyak. Wujudnya persamaan titik tersebut adalah kerana Khalaf daripada Asha‘irah dan Maturidiyyah berserta Salaf menjadikan rujukan utama metode akidah mereka ialah al-Quran dan al-Sunnah. Oleh kerana rujukan metode akidah Khalaf dan Salaf adalah dalam ruang lingkup yang sama, maka tentunya ia akan mempunyai titik-titik persamaan akidah sebagaimana yang dicadangkan oleh Hasan al-Banna.

4.3 Salaf Menurut Hasan al-Banna

Hasan al-Bannā adalah seorang tokoh dakwah yang terkenal di Mesir dan di seluruh dunia umat Islam pada pertengahan awal kurun ke-20. Beliau dilahirkan pada 14 Oktober 1906 (1324H) di Maḥmūdiyyah yang berada dalam jajahan Buḥayrah (al-Jundiyy, 2000), sejauh 90 batu dari arah timur laut Kaherah, Mesir (al-Anani, 2013). Hasan al-Bannā merupakan pengasas kepada gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn dan mengepalainya dari Mac 1928 hingga 1949 (Ibrahim, 2007). Dari aspek akidah, gerakan

al-Ikhwān al-Muslimūn membawakan metode pertengahan di antara Salaf dan Khalaf, di samping pilihan Salaf sebagai keutamaan metode akidah menurut Hasan al-Bannā (Arikewuyo, 2019).

Perlulah diperjelaskan di sini bahawa perbincangan artikel ini adalah mengenai Salaf dan Khalaf yang merujuk kepada Salafiyyah dan Ashā'irah. Walaupun Salaf telah dinilai dan difahami dalam dua metode iaitu *ithbat* dan *tafwid*, namun kecenderungan metode akidah Hasan al-Banna mengenai Salaf adalah lebih kepada *ithbat* dan Salafiyyah (Yaacob, M. N., 2020). Metode ini adalah berdasarkan tulisan akidahnya yang terakhir melalui majalah *al-Manar* (1939):

استوى الله على عرشه استواء تعجز عقولنا عن إدراك حقيقته مع علمنا بأنه لم يكن كاستواء الخلق
وبذلك نزد الحقائق لله تبارك وتعالى... فيد الله الذي ذكرها في كتابه صفة من صفاته تعجز عقولنا عن
إدراك حقيقتها مع علمنا التام بأنها لن تكون كأيدينا.

Terjemahan: Allah bersemayam di atas ‘arashNya (dengan) *istiwa*’ yang lemah akal kita untuk menanggapi hakikatnya, sedang kita mengetahui bahawa ia bukan sepetimana *istiwa*’ makhluk, dan kerana itu kita serahkan segala hakikat kepada Allah Tabaraka wa Ta‘ala ... maka *yad* (tangan) Allah yang disebutkan di dalam kitabNya (adalah) satu sifat dari sifat-sifatNya yang lemah akal kita menanggapi hakikatnya, sedang kita mengetahui sesempurnanya bahawa ia bukan sebagaimana tangan-tangan kita.

Beza antara metode Salaf dan Khalaf menurut Hasan al-Banna adalah sebagaimana paparan Jadual 1 seperti berikut (Yaacob, M. N., 2020):

Jadual 1: Metode *Ithbat*, *Ta’wil* dan *Tafwid*

Metode Akidah	Sifat <i>khabariyyah</i> seperti <i>yad</i> , <i>wajh</i> , <i>istiwā'</i> , dan <i>nuzūl</i> .	Sifat <i>ikhtiyariyyah</i> seperti <i>redā</i> , <i>ghadab</i> , <i>dahik</i> dan <i>ta’ajub</i> .
Hasanal-Bannā	Isbat	Isbat
<i>Ithbāt</i>	Isbat	Isbat
<i>Ta’wil</i>	Takwil	Takwil
<i>Tafwid</i>	<i>Tafwid</i>	Takwil

Justeru itu, Hasan al-Banna memahami bahawa istilah Salaf adalah merujuk kepada aliran Salafiyyah yang mengakui lafaz sifat *khabariyyah* boleh difahami secara zahir, namun kaifiat dan hakikatnya

sahaja tidak mampu ditanggapi oleh akal kerana ia perlu diserahkan (*tawhid*) kepada Allah SWT.

4.4 Titik-titik Persamaan

Hasan al-Bannā berpendapat ketiga-tiga titik persamaan antara Salafiyyah dan Ashā'irah itu seharusnya menjadi faktor kepada kesatuan umat Islam yang beraliran Ahli Sunnah wal Jamaah. Walaupun mereka berselisih pandangan dalam isu sifat *khabariyyah*, namun titik persamaan tersebut perlu memahamkan mereka bahawa perbezaan pandangan itu bukan penghalang kepada kesatuan umat Islam. Perbincangan berkenaan tiga titik persamaan itu adalah sebagaimana di bawah:

i) Tanzīh (suci) sifat Allah SWT daripada tashābuḥ (serupa) dengan makhluk.

Titik persamaan pertama di antara Salafiyyah dan Ashā'irah ialah sifat Allah SWT adalah suci daripada menyerupai makhluk, sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2. *Tanzīh* (penyucian) *tashabuh* (keserupaan)

Mengakui sifat Allah SWT adalah suci dari *tashabuh* (keserupaan) dengan segala sifat makhlukNya.

<i>Ithbāt</i>	<i>Ta'wīl</i>
<i>Ithbāt</i> membawakan konsep “tanpa <i>tashbih</i> ” (tolak keserupaan), walaupun mereka mengisbatkan makna zahir nas sifat Allah SWT.	<i>Ta'wīl</i> menafikan <i>tashabuh</i> (keserupaan) daripada Allah SWT melalui konsep takwilan terhadap nas sifat.

Menafikan *tashabuh* (keserupaan) dari sifat Allah SWT telah dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah (2004) dengan istilah *ghayrtakyifwa latamthil* (tanpa kaifiat dan tanpa misalan). Hal ini dapat disaksikan melalui pengenalannya tentang metode Salaf:

وَمِنْهُ الْسُّلْفُ أَنْهُمْ يَصْفُونَ اللَّهَ بِمَا وَصَفَ بِهِ نَفْسُهُ، وَمَا وَصَفَهُ بِهِ رَسُولُهُ مِنْ غَيْرِ تَحْرِيفٍ وَلَا تَعْطِيلٍ،
وَمَنْ غَيْرُ تَكْيِيفٍ وَلَا تَمْثِيلٍ

Terjemahan: Dan mazhab Salaf bahawa sesungguhnya mereka menyifatkan Allah sebagaimana (Allah) sifatkannya (untuk) diriNya, dan dengan sifat yang rasulNyamenyifatkanNya tanpa seleweng dan tanpa penafian, dan tanpa (menyatakan) kaifiat dan tanpa misalan.

IbnQayyim (1344H) juga menyatakan perkara yang sama, bahawa sifat Allah perlu disabitkan seperti yang dinyatakanNya dan oleh rasulNya, dan menafikan daripadaNya kekurangan, keaiban dan *mushababah* (menyerupai) makhluk. Malah sesiapa yang mentashbihkan (menyerupakan) Allah dengan makhluk adalah dihukumkan kafir. Kerana tidak semestinya mengisbatkan dengan sifat *khabariyyah* yang disifatkan sendiri oleh Allah dan rasulNya dianggap sebagai *tashbih* (menyerupakan):

وليس ما وصف الله به نفسه أو ما وصف به رسوله تشبيها

Terjemahan: Dan bukanlah yang Allah sifatkan dengannya akan diriNya, atau yang rasulNya sifatkan denganNya adalah tashbih (menyerupakan).

Penafian *tashbih* (keserupaan) pada sifat yang disabitkan oleh Allah SWT itu sudahpun ditegaskan dalam al-Quran bahawa tiada yang menyerupaiNyasesuatupun, sebagaimana dalam surah al-Syura ayat 11.

Bagi aliran Asha'irah, salah satu sifat Allah SWT yang wajib dipelajari dalam pengajian akidah ialah sifat *mukhalafah li al-hawadith* (menyalahi yang baharu). Menurut Abu al-Hasan al-Ash'ari (1955), menyerupai makhluk membuktikan Tuhan bersifat *ḥādīth* (baharu) dan bukan *qadīm* (sediakala), dan ini mustahil bagiNya.

لأنه لو أشبهها لكان حكمه في الحديث حكمها

Terjemahan: Kerana Dia (Allah) jika menyerupainya (makhluk) nescaya hukumNya (Allah) terhadap yang baharu adalah mengikuti hukumnya (makhluk).

Konsep keserupaan makhluk dengan Allah SWT mesti diingkari dalam setiap kemungkinan sifat, termasuk pada aspek jisim, ruang dan sudut yang wajib dinafikan daripada menyerupai Allah SWT sebagaimana tafsiran al-Rāzī (1986) terhadap lafaz “أَحَد” dalam surah al-Ikhlas:

إن قوله: ((أَحَد)) يدل على نفي الجسمية ونفي الخير والجهة

Terjemahan: Sesungguhnya firmanNya: “Maha Esa” menunjukkan penafian jisim dan penafian ruang dan sudut (bagi Allah).

Al-Būtī (1993) menjelaskan maksud *mukālafah li al-hawādith* bahawa Allah SWT tidak menyerupaiNya sesuatu pun, sebagai suatu *tanzīh* (penyucian) dari *tashābuḥ* (menyerupai) dengan makhluk. Bagi sifat yang disebutkan serupa pada Allah SWT dan makhluk seperti ilmu, melihat dan seumpamanya, maka ia sebenarnya hanya serupa pada nama sahaja tetapi tidak pada sifat zat dan hakikat sifat. Kerana itu Ḥasan al-Bannā (1992) menegaskan sifat makhluk pada hakikatnya adalah tiada bandingan dengan sifat Allah SWT pada aspek kesempurnaan dan kaifiat. Setiap insan tidak dituntut untuk mengetahui hakikat dan kaifiat sifat Allah SWT, dan memadai pengetahuan insan hanya berkenaan kesan-kesan sifat Allah SWT pada alam semesta ini.

ii) Erti zahir nas sifat Allah SWT adalah tidak sebagaimana zahirnya seperti yang disaksikan pada makhluk.

Jadual 3. Erti zahir nas menyalahi sifat makhluk

Contohnya sifat ‘ilm (ilmu) bagi Allah SWT adalah tidak serupa dengan sifat ‘ilm bagi makhlukNya. Contoh lain ialah *istiwa*’ (bersemayam) bagi Allah SWT.

<i>Ithbat</i>	<i>Ta’wil</i>
<i>Ithbat</i> menafikan zahir nas sifat <i>khabariyyah</i> adalah septimana pada makhluk, walaupun iadiisbatkan sebagaimana nas zahirnya.	<i>Ta’wil</i> pula mentakwilkannya kepada makna <i>majaz</i> bagi menunjukkan erti zahir pada nas sifat adalah tidak septimana yang disaksikan pada makhluk.

IbnTaymiyyah (2004) yang mewakili Salafiyyah menyatakan bahawa zahir nas berkenaan sifat Allah SWT adalah menyalahi dan tidak layak disamakan dengan sifat makhluk. Isu *tajsīm* (berjisim) dan *tashbīh* (menyerupai) muncul ketika seseorang itu membayangkan makna zahir nas sifat Allah SWT itu dalam gambaran yang sama dengan sifat makhluk, walaupun telah diperjelas berkenaan *hakikat mukhālafah li al-hawādith* (menyalahi yang baru). Kenyataan IbnTaymiyyah itu adalah sebagaimana berikut:

ولا يجوز أن يثبت للعلم والقدرة خصائص الأعراض التي لعلم المخلوقين وقدرهم فكذلك هو سبحانه
فوق العرش ولا يثبت لقوتيه خصائص فوقية المخلوق على المخلوق ولو ازمهها

Terjemahan: Tidak sepatutnya mensabitkan pada sifat ilmu dan kudrat (Allah) ciri sifat seumpama sifat ilmu dan kudrat makhluk. Maka demikianlah juga Allah di atas ‘arash yang tidak boleh disabitkan bagi atasNya seperti ciri sifat atas makhluk di atas makhluk dan ciri-cirinya.

IbnQayyim (1344H) juga menegaskan tiada *tashabuh* (keserupaan) Allah dengan makhluk dalam semua aspek termasuk pada zat, sifat dan juga perbuatan:

فَكُمَا أَنَا نَثْبِتُ ذَاتًا لَا تُشَبِّهُ النَّذَوَاتُ فَكَذَلِكَ نَقُولُ فِي صَفَاتِهِ أَنَّهَا لَا تُشَبِّهُ الصَّفَاتَ فَلِيُسْ كَمِثْلِهِ
شَيْءٌ لَا يَرْجِعُ إِلَيْهِ وَلَا يَرْجِعُ إِلَيْهِ أَفْعَالُهُ فَلَا تُشَبِّهُ صَفَاتُ اللَّهِ بِصَفَاتِ الْمَحْلُوقِينَ

Terjemahan: Maka sebagaimana kita mengisbatkan zat yang tidak menyerupai zat-zat, maka demikian juga kita katakan pada sifatNya bahawa ia tidak menyerupai sebarang sifat, maka tiada seumpamaNya akan sesuatu, tidak pada zatNya, dan tidak pada sifatNya, dan tidak ada perbuatanNya, maka tidak menyerupai sifat Allah dengan segala sifat makhluk.

Dalam memahami makna zahir nas sifat Allah SWT, Ashā‘irah juga menyatakan sifat tersebut adalah menyalahi makna zahir nasnya, dan perlu merujuk pada dua kaedah iaitu *ta’wīl* dan *tafwīd*. Al-Laqqānī (t.t.) menyebutkan dalam matan Jawharahal-Tawhīd seperti berikut:

وَكُلُّ نَصٍّ أَوْهَمُ التَّشْبِيهِاً أَوْلَهُ أَوْ فَوْضُ وَرْمٍ تَنْزِيهِاً

Terjemahan: Dan setiap nas mengandungi *tashbīh* (keserupaan), (maka) takwilkan ia atau *tafwīd* (serahkan) dan palingkan ia sebagai suatu *tanzīh* (penyucian).

Demikianlah generasi awal Ashā‘irah juga menyatakan perkara tersebut seperti Abūal-Hasan al-Ash‘arī (1993) dalam karyanya al-Ibānah, al-Bāqillānī (1987) dalam kitabnya Tamhīdal-Awā’il, dan al-Bayhaqī (2004) dalam karyanya al-Asmā’ wa al-Ṣifāt. Demikian juga al-Razi (1986) mensabitkan bagi Allah SWT sifat *khabariyyah*, contohnya *yadayn* (dua tangan) bersumberkan ayat al-Quran dan hadis sahih. Walaupun begitu, beliau menekankan keperluan takwil terhadap nas wahyu ini dengan tujuan memberikan penjelasan yang dapat difahami dengan baik dan betul kepada masyarakat awam. Di bawah ini dinyatakan beberapa kenyataan yang berkaitan tersebut:

إِنَّهُ عَلَى عَرْشِهِ، لَا عَلَى مَعْنَى كَوْنِ الْجَسْمِ بِالْمَلَاصِقَةِ وَالْجَمَارَةِ

Terjemahan: Sesungguhnya Dia adalah di atas ‘arashNya, bukan dengan makna keadaan jisim adalah bertempel dan berdamping (al-Bāqillānī, 1987).

أَنَّ اللَّهَ مُسْتَوٌ عَلَى عَرْشِهِ وَأَنَّهُ فَوْقَ الْأَشْيَاءِ بِإِنْ مِنْهَا بَعْنَى أَنَّهَا لَا تَخْلِهُ وَلَا يَخْلُهَا ، وَلَا يَسْهُلُهَا وَلَا
يَشْبَهُهَا

Terjemahan: Bahawa Allah istiwā’ di atas ‘arashNya dan Dia di atas setiap sesuatu berbeza darinya, bermakna bahawa sesuatu itu tidak menempatiNya dan Dia tidak menempatinya, dan tidak bersentuhannya dan tidak menyerupainya (Al-Bayhaqī, 2004).

وَاعْلَمْ أَنْ لَفْظَ الْيَدِ حَقْيَةٌ فِي هَذِهِ الْجَارِحةِ الْمُخْصُوصَةِ، إِلَّا أَنَّهُ يَسْتَعْمِلُ عَلَى سَبِيلِ الْجَازِ

Terjemahan: Dan ketahuilah bahawa lafaz *yad* (tangan) secara hakikat adalah pada anggota khusus, melainkan ia digunakan dalam kaedah *majāz* (tersirat). (al-Rāzī, 1986).

Justeru semua kenyataan di atas oleh tokoh aliran Ashā‘irah itu menjelaskan erti bagi makna zahir nas adalah berlainan dengan sifat zahir makhluk. Dan makna zahir nas itu perlu difahami secara *majāz* (tersirat) sebagai suatu penjelasan terhadap makna zahirnya. Berbanding dengan aliran Salafiyyah yang menolak peranan takwil yang menggunakan makna *majāz*, kerana mereka lebih yakin untuk mengimani nas sifat tersebut sebagaimana makna zahir nas, dengan penafian yang nyata terhadap *tashābuḥ* (keserupaan) sifat Allah SWT daripada sifat makhlukNya.

iii) Lafaz-lafaz bahasa tidak mampu menyatakan hakikat (kaifiyat) sebenar sifat Allah SWT.

Jadual 4. Bahasa tidak mampu menyatakan hakikat sifat

Lafaz-lafaz bahasa tidak mampu menyatakan hakikat (kaifiyat) sebenar sifat Allah SWT.

<i>Ithbat</i>	<i>Ta’wil</i>
<i>Ithbat</i> menegaskan bahasa tersebut dapat menjelaskan makna yang perlu difahami akal, tetapi masih lagi menyerahkan kaifiyat yang hanya selayak denganNya. Ini menunjukkan hakikat sifat itu dengan keagungannya tidak dapat dinyatakan secara hakiki oleh bahasa dan akal.	<i>Ta’wil</i> menukar makna asal sifat <i>khabariyyah</i> kepada makna yang lain (<i>majāz</i>) menunjukkan bahawa mereka mengakui ketidakmampuan bahasa dengan lafaz zahirnya menterjemahkan hakikat sebenar sifat tersebut.

IbnTaymiyyah (2000) menjelaskan tentang pembawaan makna menurut bahasa yang tidak dapat menerangkan hakikat sebenar sifat Allah SWT:

وَكُذلِكَ مَدْلُولُ أَسْمَائِهِ وَصَفَاتِهِ الَّتِي يَخْتَصُّ بِهَا، الَّتِي هِيَ حَقِيقَتُهُ، لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

Terjemahan: Dan demikian petanda bagi nama-nama dan sifat-sifatNya yang mengkhususinya, yang ia adalah hakikatNya, tiada diketahui tentangnya kecuali Dia.

Ibn ‘Abbas RA pernah menyatakan tiadanya *tashābuḥ* (keserupaan) segala yang ada pada alam dunia berbanding dengan yang ada dalam syurga pada alam akhirat melainkan sekadar nama sahajaIbnTaymiyyah (2004):

لَيْسَ فِي الدُّنْيَا مَا فِي الْجَنَّةِ إِلَّا الْأَسْمَاءُ

Terjemahan: Tiada yang di dunia daripada yang ada di syurga melainkan hanya nama-nama.

Sehubungan itu IbnTaymiyyah (2004) telah merumuskan bahawa apabila Allah SWT menyatakan Dia bersifat seperti sifat ‘ilm (mengetahui) dan *sama’* (mendengar), tidak bermaksud ia serupa (*tashabuh*) dengan sifat makhluk. Demikianlah sifat *khabariyyah* Allah SWT yang namanya sama tetapi makna bahasanya tidak mampu menyatakan hakikat dan kaifiyat sebenar sifat Allah SWT.

Aliran Salafiyyah kebiasaannya mengisbatkan sifat *khabariyyah* Allah tanpa misal, dan menyucikanNya tanpa menafikan sifat yang disebutkan secara jelas oleh nas wahyu (IbnQayyim, 1344H):

وَنَفَى عَنْهُ النَّقَائِصَ وَالْعَيُوبَ وَمُشَابَّهَةَ الْمَخْلوقَاتِ أَثْبَاتَهَا بِلَا تَمْثِيلٍ وَتَنْزِيهَهَا بِلَا تَعْطِيلٍ

Terjemahan: Dan kita menafikan daripadaNya kekurangan-kekurangan, aib-aib dan keserupaan makhluk, dengan pengisbatan tanpa misalan, dan penyucian tanpa penafian.

Pengisbatan tanpa misal dan penyucian tanpa penafian adalah menjelaskan ketidakupayaan bahasa itu sendiri untuk menyatakan tentang hakikat sifat *khabariyyah* Allah, sehingga terpaksa diletakkan dalam kondisi pengisbatan dan penafian seperti di atas. Jika pengisbatan

adalah sebagaimana zahirnya menurut faham akal, maka tidak perlulah lagi penafian terhadap sifat misalan dan keserupaan dengan makhluk. Justeru itu Salafiyyah memahami bahawa sifat *khabariyyah* perlu diisbatkan sebagaimana disebutkan oleh wahyu, di samping menafikan misal dan keserupaan yang tidak akan dapat diterangkan secara tepat oleh bahasa.

Dalam mensabitkan sifat *wajh* (wajah) bagi Allah SWT, al-Razi (1986) mengesahkan ketidakmampuan bahasa berbicara tentang hakikat sifat tersebut. Justeru ia perlu ditakwilkan bagi tujuan menjelaskan makna bahasa yang sesuai untuk dikhabarkan kepada manusia:

لفظ الوجه قد يجعل كنایة عن الذات تارة وعن الرضى أخرى

Terjemahan: Lafaz wajah ada kalanya telah dijadikan *kinayah*(kemungkinan) tentang zat dan ada kalanya tentang reda.

Al-Bayhaqī (2004) juga menyatakan pandangan Abu al-Hasanal-Asy‘arī tentang *istiwā’* (bersemayam) bahawa Allah SWT melakukan suatu perbuatan yang dinamakan *istiwā’*, sebagaimana perbuatanNya lain yang dinamakan membuat rezeki, nikmat dan seumpamanya. Dan sifat *istiwā’* itu tidak perlu dinyatakan kaifiatnya kecuali memahaminya dalam konteks sebahagian daripada sifat-sifat perbuatan Allah SWT. Begitu juga al-Buti (1993) menegaskan bahawa persamaan sifat makhluk dengan Allah hanyalah pada sudut penamaan dan bahasa sahaja, bukannya menunjukkan persamaan dan penyerupaan yang hakiki.

4.5 Rumusan

Berdasarkan ketiga-tiga fakta daripada titik-titik persamaan di atas, Hasan al-Banna (1992) membuat rumusan bahawa Salaf dan Khalaf telah bersepakat pada asas takwil (*aslal-ta’wil*). Sepakat pada *asl al-ta’wil* menurut al-Qaradawi (2005) ialah merujuk kepada penafian keserupaan sifat Allah dengan makhluk yang bermetodekan Salaf sama ada *tafwid ma’na* atau *ithbat* yang mentafwidkan kaifiat.

Dari asas ini maka Salaf sendiri telah berpegang dengan *ta’wilijmali* yang bermaksud takwil secara umum atau *tafwid*, sedang Khalaf pula berpegang dengan *ta’wiltafsili* iaitu takwil secara terperinci (Muhammad Rashidi& Syed Hadzrullathfi, 2012). Takwil secara umum atau *tafwid* itu berlaku dalam bentuk kaifiat menurut metode *ithbat*, atau dalam bentuk makna menurut metode *tafwid*.

Al-Buti (1988) juga menyebut bahawa metode Salaf adalah *ta'wilijmali* pada menyatakan Allah bersemayam dengan *istiwa'* yang layak dengan keagunganNya, dan bagiNyayad (tangan) sebagaimana yang difirmankanNya yang layak dengan keagungaNya. Manakala metode Khalaf adalah *ta'wil tafsili* pada menyatakan makna *majazistiwa'* ialah *istila'* (menguasai), dan makna *majazyad* pula ialah *quwwah* (kekuatan).

Perbezaan pendapat berlaku hanya kerana Khalaf telah menyatakan makna takwilan yang tersirat pada sifat *khabariyyah*, kerana mereka bimbangkan akidah golongan awam umat Islam yang akan tergugat disebabkan maknanya yang zahir adalah mengandungi *tashābuḥ* (keserupaan) dengan sifat makhluk.

Pendekatan para Sahabah RA terhadap isu sifat *khabariyyah* juga berbeza selepas kewafatan Nabi SAW. Selepas daripada berlakunya pembukaan negeri-negeri baru dan ramai orang yang baru memeluk Islam, ia mula menimbulkan fitnah dan perbezaan pendapat yang ketara khususnya tentang ajaran akidah Islam. Sebilangan Sahabah RA mengambil pendekatan diam dan tidak mahu berbicara tentang persoalan sifat *khabariyyah*, dan menganggap *bid'ah* sebarang perbincangan mengenainya. Sikap ini ditunjukkan oleh ‘Umar al-Khattab sendiri, ‘Abdullah bin ‘Umar, Zaid bin Thabit dan yang seangkatan dengan mereka.

Generasi Salaf selepasnya yang menuruti mereka adalah seperti Sufian al-Thawri, al-Awza‘i, Malik bin Anas dan Ahmad bin Hanbal. Sedang sebilangan Sahabah RA yang lain pula bertindak untuk terlibat dalam penjelasan isu akidah dan mencari penyelesaiannya agar maklumat sebenar akidah Islam dapat disampaikan. Antara mereka ialah ‘Ali bin Abi Talib, ‘Abdullah bin ‘Abbas, dan ‘Abdullah bin Mas‘ud. Generasi Salaf yang sealiran ialah seperti Hasan al-Basri, Abu Hanifah, al-Harithal-Muhasibi dan Abu Thur(al-Buti, 1988). Kerana itu al-Qaradawi (2005) bersetuju dengan kenyataan ini bahawa metode *ithbat*, *ta'wil*, dan *tafwidsudahpun* ada sejak zaman Sahabah RA, Tabi‘in dan Tabi‘ Tabi‘in lagi.

Hasan al-Banna (1992) melihat bahawa prinsip-prinsip asas akidah Islam merupakan perkara yang wajib dipegangi oleh umat Islam dan tiada tolak ansurnya dalam hal ini. Kerana itu Hasan al-Banna secara tegasnya menolak metode golongan *mushabbihah* (menyerupakan Allah dengan makhluk) dan *mu'attilah* (menafikan sifat Allah) yang menyeleweng daripada landasan akidah Islam.

Namun apabila berkait dengan isu perdebatan di antara metode *ithbāt*, *tafwīd* dan *ta'wīl*, maka ia sudah menjadi isu cabang akidah Islam. Perselisihan pendapat dalam isu ini sudah menjadi perkara ijihad yang

tidak akan ada kalah menang sepetimana perselisihan pendapat di dalam mazhab fiqh. Kerana itu Ibn Taymiyyah yang memperingatkan tentang bahaya *bid'ahJahmiyyah* dan *Mu'tazilah* yang ada di dalam metode Khalaf, namun masih mengakui kedudukan metode Ashā'irah yang lebih hampir kepada Ahli Sunnah WalJamaah (IbnTaymiyyah, 2004).

Justeru itu Ḥasan al-Bannā cuba membawakan metode dakwahnya yang tetap mengakui perselisihan pendapat akan berlaku dalam kalangan umat Islam berkaitan perkara ijtihad akidah. Namun oleh kerana mereka masih kosisten dengan pegangan sebenar dengan prinsip-prinsip asas akidah Islam, maka akan tetap ada titik-titik muafakat yang boleh mengharmonikan hubungan setiap metode yang berbeza pandangan itu.

Sehubungan itu, Ḥasan al-Bannā (1992) menolak dakwaan bahawa aliran Khalaf boleh dijatuhi dengan hukuman kufur dan fasik serta dianggap bukan sebahagian daripada Ahli Sunnah walJamaah (Hamat, 2019), sedangkan apa yang mereka pegangi semata-mata bersandarkan pada ijtihad mereka di dalam memahami sifat *khabariyyah*. Ditambah pula mereka juga sebagai ahli kiblat yang sama dengan metode *ithbat* dan metode *tafwid*, dan melaksanakan kewajipan-kewajipan dasar sebagai orang Islam.

5. Kesimpulan

Hasan al-Banna sebagai seorang tokoh pendakwah Islam yang terkenal berpendirian bahawa perbezaan pendapat tentang sifat *khabariyyah* Allah SWT di antara aliran Salafiyyah dan Ashā'irah sebenarnya masih boleh bertemu pada tiga titik persamaan. Aliran Salafiyyah ialah aliran yang mewakili Salaf di samping aliran *tafwid*, manakala Ashā'irah pula adalah aliran yang mewakili Khalaf. Biarpun metode akidah Salafiyyah ialah *ithbat* yang berlainan dengan metode Ashā'irah iaitu *ta'wil*, namun kedua-duanya dilihat sepakat dengan titik-titik persamaan sebagaimana yang diutarakan oleh Hasan al-Banna. Tiga titik persamaan tersebut ialah *tanzīh* (penyucian) sifat Allah SWT daripada sebarang *tashābuḥ* (keserupaan) dengan makhluk, erti zahir nas sifat adalah tidak sebagaimana zahirnya seperti yang disaksikan pada makhluk, dan lafaz-lafaz bahasa tidak mampu menyatakan hakikat sebenar sifat-sifatNya.

Titik persamaan ini sebenarnya juga diakui oleh para tokoh ulama daripada Salaf dan Khalaf masa kini, sama ada yang beraliran Salafiyyahataupun Ashā'irah sendiri. Mereka yang daripada aliran Salafiyyah ialah IbnTaymiyyah dan IbnQayyim. Manakala tokoh daripada aliran Ashā'irah ialah Abu al-Hasan al-Ash'ari sendiri, al-Razi dan al-Laqqani. Petikan penulisan mereka disebutkan sebagaimana di atas bagi membuktikan kebenaran dakwaan Hasan al-Banna berkenaan

dengan titik persamaan akidah yang sering dilupai oleh pengikut kepada kedua-dua aliran akidah yang berpengaruh pada masa sekarang ini.

Pemupukan kesatuan ummah melalui titik-titik persamaan sebagaimana yang dibawakan oleh Hasan al-Bannasepatutnya perlu diketengahkan dalam kalangan masyarakat agar umat Islam sentiasa berada dalam kekuatan kesatuan yang sebenar. Kesatuan ummah ini juga diharap mampu menggantikan kepimpinan khalifah dan ketuanan Islam yang telah runtuh sejak kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah di Turki suatu ketika dahulu.

Hanya dengan kesedaran untuk bersatu padu melalui wadah akidah Islam sahaja akan menyelesaikan masalah kelemahan yang ketara dalam kalangan umat Islam, sebagaimana ia pernah menjadi titik permulaan kepada kesatuan masyarakat Arab Muslim di Mekah suatu ketika dahulu.

وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَلَنْ يُكُونُ مِنْ قُلُوبِكُمْ
فَاصْبِحُوكُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا

Terjemahan: Dan berpeganglah dengan tali Allah semua dan jangan berpecah, dan inagtlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan lalu Dia satukan di antara hati-hati kamu, maka jadilah kamu dengan nikmatNya bersaudara. (Al ‘Imran, 3: 103)

Rujukan

- Al-Albaniy, M. N. (2000). *Sahih Sunan al-Tirmidhiy*, “Kitab al-Iman”, no. hadith: 2641, jil. 3, al-Riyad: Maktabahal-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Al-Ash‘arī, A. H. (1955). *Kitab al-Luma‘ fī al-Radd ‘alā Ahlal-Zaygh wa al-Bida‘*. Sunt. HamūdahGharabah. Mesir: SyarikahMusāhamahMiṣriyyah.
- Al-Ash‘arī, A. H. (1993). *Al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Dīyah*. Semakan: Bashīr Muḥammad ‘Uyūn. Riyād: Maktabahal-Mu’ayyad.
- Al-Baghdādi, ‘A. Q. (1997). *Al-Farq Baynal-Firaq*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Bannā, H. (1992). Risālahal-‘Aqā’id, dalam: *Majmū‘ah Rasā’il al-Imāmal-Shahīd Hasan Al-Bannā*, Kaherah: Dāral-Shihāb.
- Al-Banna,H (1939/1358), “Fataawaal-Manar”; *Al-Manar*, jld. 35, juz. 5, Julai 1939. Mesir: Matba‘ahal-Manar.
- Al-Baqillanī, M. T. (1987). *Kitab Tamhidal-Awa‘il wa Talkhisal-Dala‘il*, tahqiq: ‘Imadal-Din Ahmad Haydar, Beirut: Mu‘assasahal-Kutub al-Thaqafiyyah.
- Al-Bayhaqī, A. B. (2004). *Al-Asmā‘ wa al-Sifāt*. Semakan: Nāṣir bin al-Najjāral-Dumyāṭ. Al-Manṣūrah: Dār IbnRajab.
- Al-Bukhariy, M. I. (1998). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī; Kitab al-I’tiṣām*. Suntingan: Abu Ṣuhaybal-Karmi. No. hadis: 7352. Riyadh: Baytal-Afkāral-Dawliyyah.
- Al-Butī, M. S. R. (1988). *Al-Salafiyah; Marhalah Zamaniyyah Mubarakah La Madhhab Islamiy*, Dimashq: Dar al-Fikr.

- Al-Butī, M. S. R. (1993), *Kubrāal-Yaqīniyyātal-Kawniyyah; Wujūdal-Khāliq wa Wazīfahal-Makhlūq*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Hajjaj, M. (1998), *Sahih Muslim; Kitab Fada'il-Sahabah*. Suntingan: Abu Suhaybal-Karmi. No. hadis: 2533. Riyad: Baytal-Afkaral-Dawliyyah.
- Al-Laqqānī, I. H. (t.t.). Jawharahal-Tawhīd, dalam: *Majmū‘ Muhimmatul-Mutūn*. Beirut: Dāral-Fikr.
- Al-Maghribī, ‘A. ‘A. F. (1986), *Al-Firaqal-Kalamīyyahal-Islamīyyah; Madkhal wa Dirasah*, ‘Abidin: MaktabahWahbah.
- Al-Qaradawi, Y. (2005), *Fusulfial-‘AqidahBaynal-Salaf wa al-Khalaf*, al-Qaherah: MaktabahWahbah.
- Al-Razī, F. (1986). *Asāsal-Taqdīs*. Tahqīq: AḥmadHijāzīl-Saqā. Kaherah: Maktabahal-Kulliyyātal-Azhariyyah.
- Al-Shahrastānī, M. ‘A. K. (1997). *Al-Milal wa al-Nihāl*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Dayf, S. et. al. (2004). *Al-Mu‘jamal-Wasit*. Cet. 4. Mesir: Maktabahal-Shuruqal-Dawliyyah.
- Fahamsyah, F. (2021). Ulama Salaf dan Khalaf. *Jurnal Al-Fawa'id: Jurnal Agama dan Bahasa*, 11(2), 27-38.
- Hamat, M. F. et. al. (2019). Bidasan Terhadap Penolakan Asha‘irah Sebagai Ahlal-Sunnah wa al-Jama‘ah. *Jurnal al-Ummah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*, 1-36
- Ibnal-Qayyim, M. AB. (1344H). *Al-Qasidah al-Nuniyyah*. Mesir: Matba‘ahal-Taqaddumal-‘Ilmiyyah.
- IbnFurak, A. B. (2003). *KitābMushkilal-HadīthawTa’wīlal-Akhbāral-Mutashabihah*. Semakan: DanielGimaret. Al-Ma‘hadal-Faransī: Damsyik.
- IbnTaymiyyah, A. (2004). *Majmū‘ Fatāwā*, susunan: ‘Abdal-Rahmān bin Muhammad bin Qāsim dan Muhammad bin ‘Abdal-Rahmān, jld. 6, al-Madīnahal-Munawwarah: Mujamma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ahal-Muṣṭafā-Sharīf.
- IbnTaymiyyah, A. (2000), *Al-Tadmuriyyah*, tahqīq: Muhammad bin ‘Awdahal-Sā‘wī, c. 6, Riyād: Maktabahal-‘Abīkān.
- Muhammad Rashidi, W., & Syed Hadzrullathfi, S. O. (2012). Takwilan nas-nas mutashabihat dalam kalangan salaf. *The global journalal-Thaqafah, Kolej Islam Darul Ridhuan, Malaysia*, 2(2), 77-85.
- Yaacob, M. N. (2020). Metode akidah Ḥasan al-Bannā terhadap sifat khabariyyah Allah SWT: Hasanal-Bannā’s faith method for Allah’s khabariyyah attributes. *al-Irsyad: Journalof Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 335-346.